


Seni Tradisional Batik Sebagai Tunjang Warisan Negeri Kelantan.

Noor Arina Md Arifin^{1*}, Siti Aishah Mokhtar², Syahrill Norizan Ahmad Fauzi³, dan Wan Nur Nabila Nordin⁴

1 UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026

2 UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  0009-0005-8916-0856

3 UiTM Cawangan Kelantan; syahrillnorizan@gmail.com

4 UiTM Cawangan Kelantan; bellanahdin3@gmail.com

* Correspondence: arina848@uitm.edu.my; +60179620049.

Abstrak: Batik merupakan lambang seni warisan kreatif yang mempunyai sejarah tersendiri. Batik juga diiktiraf sebagai warisan negara yang bernilai tinggi serta salah satu kraftangan yang terkenal di peringkat global. Kajian ini berkaitan tentang seni tradisional batik sebagai tunjang warisan negeri Kelantan bagi menyelusuri sejarah perjalanan warisan batik serta menjadikan batik sebagai lambang seni warisan pada masa datang. Pengusaha batik memainkan peranan penting dalam memastikan seni batik negara dapat dimartabatkan dan mencapai zaman kegemilangan. Kajian ini menunjukkan bahawa Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd mampu mengorak langkah lebih jauh apabila berjaya melakar kejayaan demi kejayaan dan semakin dikenali ramai. Hal ini secara tidak langsung mampu memartabatkan nilai estetika “Batik” sebagai seni warisan lama serta menyampaikan maksud dan nilai budaya melayu yang semakin ketara keterbukaaan seiring dengan perkembangan dunia pada masa kini. Pada zaman dahulu, batik dianggap sebagai seni tradisional tetapi setelah pelbagai inisiatif oleh pelbagai pihak dilakukan melalui revolusi kontemporari kini batik mampu dijadikan sebagai elemen utama dalam reka bentuk dan reka hias pakaian fesyen terkini. Kini “Batik” mampu bertapak sejajar dengan kemajuan dan perkembangan teknologi dalam memperkenalkan dan mempromosi batik semakin hebat.

Kata kunci: Batik, Seni, Warisan, Kraftangan, Tradisional

DOI: 10.5281/zenodo.11114515



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Negeri Kelantan terkenal dengan hasil warisan batik iaitu seni kraftangan yang begitu popular dan mempunyai sejarahnya tersendiri. Batik menjadi khazanah seni warisan budaya dan ianya juga dianggap sebagai kraftangan yang sudah lama berada di negara ini. Batik merupakan kesenian yang tinggi nilai keindahan, nilai warisan serta menjadi lambang seni warisan dalam membentuk identiti nasionalisme negara. Nilai kesenian sesuatu produk batik menjadi tunjang utama kepada identiti negara Malaysia sejak berabad lamanya. Lantaran itu, seni batik telah diakui dunia sebagai warisan kesenian yang begitu unik dan menarik di persada dunia. Keistimewaan seni batik telah dipamerkan sebagai elemen dalam mengungkap nilai budaya, nilai warisan seni dan identiti masyarakat terutamanya di negara Malaysia. Elemen-elemen keistimewaan seni batik tradisional mula diperkenalkan intipatinya menerusi lambang keindahan dengan menggabungkan pelbagai aspek mengikut aspirasi pengguna pada masa kini dan juga pada masa depan. Idea Nordin Batik Sdn Bhd untuk mengembangkan batik di Kelantan dapat direalisasikan melalui penghasilan reka bentuk yang istimewa pada batik sekaligus menjadi pemangkin kejayaan bagi mencapai kegemilangan syarikat itu.

Ianya adalah satu lambang kebesaran terhadap budaya yang unik dan menarik bagi pelbagai kaum terutamanya kaum melayu di negara ini. Kajian ini dijalankan bagi membincangkan hasil temuramah bersama Puan Azlinda binti Haji Nordin yang merupakan Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd. Kajian ini bertujuan membincangkan objektif utama kajian iaitu perkembangan industri batik sebagai pemangkin utama dalam usaha mengekalkan dan menjaga warisan. Perkongsian Puan Azlinda binti Haji Nordin dapat memberi pendedahan berkaitan sejarah permulaan Nordin Batik Sdn Bhd dan jatuh bangunnya syarikat sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ini. Minat beliau terhadap seni dan warisan batik adalah teretus daripada hasil pemerhatian sejak kecil serta pengaruh latar belakang keluarga dalam penglibatan dunia seni batik merupakan faktor utama penglibatan beliau. Beliau merupakan anak sulung kepada pemilik Nordin Batik Sdn Bhd iaitu Haji Nordin bin Mahmood. Keistimewaan produk yang dihasilkan Nordin Batik mempunyai nilai kesenian yang tersendiri bagi membentuk keunikan identiti nasionalisme negara agar lebih terserlah dan dikenali ramai. Oleh hal demikian, pelbagai inisiatif dari usahawan batik menjadikan karya seni warisan batik sebagai lambang warisan bangsa yang tidak pupus ditelan zaman. Kejayaan demi kejayaan yang diperolehi oleh syarikat Nordin Batik Sdn Bhd menjadi elemen terpenting bagi mencapai kelebihan bersaing bagi usahawan-usahawan yang sedia ada di Malaysia.

Karya kesenian berkonsepkan batik perlu diberi keutamaan kepada golongan tempatan bagi mengetengahkan dan menggambarkan budaya dan warisan melalui karya yang dipamerkan. Hal ini demikian kerana inisiatif pelbagai pihak dalam menghidupkan semula warisan turun temurun terhadap golongan yang tidak menghargai seni warisan seperti batik perlu diberi pendedahan serta kesedaran. Semangat dalam mengembling tenaga bagi menghidupkan semangat pemakaian batik dan memberi kesedaran kepada umum bahawa warisan budaya seni batik ibarat seperti kilauan permata yang berharga. Semangat harus diberikan kepada penggiat seni tradisional batik dan usahawan agar dapat menghasilkan produk yang berkualiti tinggi dan mempunyai keaslian. Industri batik dikhuatiri semakin suram dan akan terus dilupakan dari hari ke hari sekiranya inisiatif daripada semua pihak tidak diperluaskan. Berdasarkan keadaan sedemikian, jikalau dibiarkan berterusan dikhuatiri warisan kebanggaan yang menjadi identiti masyarakat di negara ini hilang ditelan zaman.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan yang timbul di dalam kajian ini merujuk kepada isu atau masalah yang menyebabkan kajian ini dijalankan. Masalah besar yang dihadapi pada masa kini, kebanyakan golongan muda dan masyarakat setempat tidak mempunyai kesedaran dan penghayatan untuk memelihara dan memartabatkan kesenian bagi mewujudkan kebudayaan melalui satu bangsa. Nordin Batik Sdn Bhd mengambil langkah memperkenalkan empayar batik tradisional supaya warisan batik dapat diperkenalkan kepada seluruh masyarakat terutama golongan muda. Oleh hal demikian, rakyat Malaysia harus menghargai karya usahawan batik yang bersusah payah mengangkat seni tradisional demi mendepani masa depan bangsa dan juga negara. Melalui karya yang dihasilkan Nordin Batik Sdn Bhd, penghargaan perlu diberikan kepada pengusaha batik kerana jasa dan pengorbanan mereka dalam memperkenalkan batik sehingga kini. Bagi menghargai sumbangan dan jasa para usahawan, masyarakat perlu menunjukkan penghargaan terhadap produk yang dikeluarkan.

Seni kebudayaan melalui seni batik harus dipupuk dalam kalangan rakyat Malaysia bagi melestarikan dan menonjolkan hasil karya tempatan yang bernilai tinggi. Sebagai contoh, usaha dalam mempraktikkan pemakaian batik tidak hanya dipakai di dalam acara rasmi sebaliknya di Malaysia wajar kita semua mempraktikkan pemakaian batik sebagai pakaian *casual* menjadikan sesuatu yang biasa di negara ini. Hal ini kerana majoriti rakyat pada masa kini kurang memberi perhatian dan memahami nilai atau maksud disebalik "keindahan" dalam karya seni. Masyarakat pada zaman ini kurang memberi pengiktirafan terhadap hasil kesenian negara. Kesenian dalam rekaan batik adalah sesuatu kebanggaan yang tidak boleh dipandang remeh kerana kesenian ini mempunyai kepentingan tinggi sama seperti industri lain, contohnya sektor teknologi yang mampu memajukan negara serta meningkatkan taraf

hidup rakyat Malaysia. Dalam meniti arus kemodenan ini, karya seni batik yang diperkenalkan oleh usahawan batik perlu mempamerkan nilai positif disebalik cerminan rakyat Malaysia melalui karya yang dihasilkan oleh mereka. Hal ini demikian kerana nilai positif wujud jikalau masyarakat memartabatkan perpaduan melalui ungkapan seni warisan dengan kewujudan seni batik.

Selain itu, kajian ini bagi memperlihatkan minat serta kepentingan terhadap sesuatu nilai seni dan warisan di dalam masyarakat oleh kerana rakyat Malaysia terutama golongan muda masa zaman ini kurang penghargaan terhadap warisan negara iaitu seni tradisional batik. Pengukuhan dan penghayatan seni warisan harus dititik berat demi memelihara warisan nenek moyang terus terpelihara agar tidak hapus ditelan zaman. Kelestarian dunia dan sejarah warisan seni batik perlu diberi penghayatan bagi memastikan seni tradisional batik terus relevan mengharungi perjalanan masa dan zaman. Usaha memperluaskan seni batik Melayu perlu digambarkan sebagai sesuatu yang mempunyai nilai keistimewaan yang murni tanpa menidakkan signifikan menjaga keaslian tradisinya. Usahawan batik di Kelantan seperti Nordin Batik, Samasa Batik dan usahawan batik yang lain memainkan peranan penting dalam memperluaskan kaedah tradisional bagi mengekalkan keaslian batik pada produk. Warisan negara mempunyai keistimewaan dalam sudut kesenian dan sentuhan tersendiri lahir dari semangat pengkarya batik. Sebagai contoh, inisiatif pelbagai pihak dalam mengambil langkah yang proaktif dan progresif demi membantu menaik taraf batik Malaysia untuk memartabat warisan batik ini. Oleh itu, usaha semua pihak mengembling tenaga amat penting bagi melindungi warisan negara supaya generasi akan datang berpeluang melihat, mengenali, merasai, menghargai malah memakai pakaian batik dengan penuh rasa bangga.

Selain itu, sejak negara menikmati arus kemerdekaan isu permasalahan seperti faktor kesenian kurang mendapat tempat di persada luar negara di atas faktor persaingan di antara pengusaha batik luar. Isu pengusaha batik luar seperti industri batik Indonesia, China, Thailand dan lain-lain negara yang menciplak reka bentuk dan idea batik tempatan merupakan persaingan yang tidak sihat. Nordin Batik memperlihatkan ini sebagai persaingan yang kurang sihat di antara pengusaha batik luar. Hal ini merupakan satu permasalahan yang begitu besar dalam industri batik di negara ini. Usaha sama semua pihak bagi membendung kegiatan tidak sihat seperti ini memerlukan strategi yang tinggi. Oleh hal demikian, wujudnya kebimbangan jika kegiatan seperti ini berterusan bahkan akan memberi kekeliruan kepada masyarakat tempatan untuk menentukan keaslian batik di negara ini. Hal ini menyebabkan secara tidak langsung menjadikan sektor ekonomi batik gagal berkembang maju ke arah yang lebih tinggi. Faktor persaingan yang wujud dengan pasaran luar negara menyebabkan pasaran sektor ekonomi batik negara menghadapi masalah untuk merebut peluang dan pasaran yang terhad di negara serumpun.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat bagi merealisasikan beberapa objektif seperti berikut:

1. Mengenalpasti langkah yang diambil dalam meningkatkan seni warisan batik negara.
2. Meningkatkan usaha dalam memelihara dan memartabatkan kesenian serta kebudayaan bangsa melayu.
3. Memberi penghayatan dan penelitian kepada masyarakat mengenai seni warisan batik.

4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada penglibatan dan usaha tokoh dalam memeriahkan hasil kesenian batik serta memperkenalkan hasil seni ini kepada khalayak ramai dengan memberi keutamaan kepada persoalan-persoalan seperti berikut:

1. Apakah langkah yang perlu diambil dalam meningkatkan seni warisan batik negara?
2. Apakah usaha dalam memelihara dan memartabatkan kesenian serta kebudayaan bangsa melayu?
3. Apakah kepentingan dan kesedaran terhadap nilai seni warisan kepada masyarakat mengenai seni warisan dan budaya?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan hasil dari kajian yang dijalankan mengenai seni tradisional batik sebagai tunjang seni warisan negeri Kelantan. Oleh yang demikian, kajian ini mengupas tentang kepentingan dan kajian berkaitan sumbangan syarikat Nordin Batik Sdn Bhd terhadap masyarakat, negara dan usahawan-usahawan yang ingin menceburi bidang seni batik. Salah satu kepentingan di dalam kajian adalah untuk memberi pendedahan umum kepada rakyat Malaysia terutama golongan muda tentang seni warisan dan budaya nenek moyang kita agar perkembangan ilmu dalam industri batik mampu diperluaskan tanpa batasan. Selain itu juga tugas ini juga membincangkan punca kejayaan yang dikecapi dalam pembangunan Batik Nordin bagi menunjukkan prestasi mencapai sesuatu kejayaan terutamanya di Kelantan. Pembangunan Nordin Batik Sdn Bhd sebagai pengusaha batik dilihat sebagai satu usaha dan bukti memperkenalkan industri batik di mata rakyat dalam memartabatkan industri batik negara dan memperkenalkan kepada orang ramai. Usahawan batik dianggap sebagai pemangku dalam membangunkan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh kerana adanya pengusaha batik, industri seni dan budaya akan lebih diangkat di peringkat luar negara. Hal ini membincangkan tanpa industri batik, masyarakat mungkin tidak diberi pendedahan ilmu seni batik dalam hal ini, hasil kajian ini mendapati kesedaran dan penghayatan terhadap rakyat di Malaysia tentang keagungan kesenian menjadi akar serta cerminan terhadap kebudayaan masyarakat dewasa ini.

Melalui kepentingan kajian yang dijalankan meningkatkan usaha pelbagai pihak bagi melestarikan warisan seni batik serta meningkatkan minat dan pengetahuan rakyat terhadap dunia seni batik yang merupakan harta peninggalan nenek moyang sejak berkurun lama. Oleh kerana golongan muda dikatakan kurang bersemangat dalam menghargai khazanah warisan di atas faktor kurang penghayatan nasionalisme tentang sejarah dunia seni batik. Hal ini menjadi perkara penting dalam membina kebudayaan masyarakat dewasa yang berbilang bangsa dengan wujudnya perhatian terhadap khazanah warisan. Oleh hal yang demikian, masyarakat akan sedar apabila didedahkan secara terperinci berkaitan seni kraf batik dalam kalangan segenap lapisan masyarakat hasil dari kajian yang dikenalpasti kerana kajian ini dijalankan bagi mengangkat dan mempromosi batik dalam ekonomi negara. Hal ini dapat memperjuangkan dan menghargai batik tempatan sebagai khazanah seni warisan budaya yang sudah lama sekian lama bertapak di negara kita Malaysia.

Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd amat menitikberatkan kualiti batik bagi mengekalkan keaslian batik agar dapat memberi rasa dan kepuasan kepada citarasa pelanggan melalui keistimewaan reka bentuk dan variasi corak batik itu sendiri. Dilihat melalui sumbangan Nordin Batik sebagai syarikat batik asli secara tidak langsung mampu memartabatkan nilai dengan mengekalkan keaslian batik dalam pembuatan batik yang bermutu tinggi dan unik. Dengan ketabahan pemilik Nordin Batik iaitu Tuan Haji Nordin bin Mahmood, syarikat ini adalah di antara pemilik perusahaan batik yang berjaya dan berkembang maju tahun demi tahun. Ini merupakan inisiatif Nordin Batik menyumbang bakti terhadap rakyat tentang kepentingan batik kepada negara yang merupakan lambang budaya kita orang Melayu tidak boleh untuk dilupakan sewenang-wenangnya. Bidang perusahaan batik dilihat sebagai bidang yang memberi jasa kepada ekonomi negara dengan mewujudkan pusat pelancongan. Industri batik dapat

berkembang dan popular dengan adanya pusat pelancongan batik di negeri Kelantan sekaligus mempamerkan populariti di seluruh dunia.

Turut dikaji adalah sumbangan kajian kepada masyarakat diaman ianya meningkatkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan masyarakat kampung yang tidak mempunyai pekerjaan untuk mereka yang mempunyai minat di dalam bidang ini. Dengan adanya syarikat Nordin Batik Sdn Bhd dapat membuka peluang pekerjaan sebagai contoh dalam bidang pembuatan batik, pemasaran batik bahkan juga tenaga pengajar yang mahir dalam bidang ini.

6. TINJAUAN LITERATUR

Secara umumnya, warisan seni merupakan satu istilah yang mempamerkan identiti serta budaya. Kebudayaan melalui kraf batik merupakan komponen utama mendepani seni warisan sebagai tunjang kesenian. terdapat batik asli yang terhasil di Malaysia ini jika dilihat dari segi sudut budaya seni dan batik dipercayai berasal daripada Indonesia di mana ianya diambil daripada perkataan Melayu untuk titik yang bermaksud menulis (Siti Aisyah Amilin Hassan & Muammar Ghaddafi Hanafiah, 2018). Ramai sedia maklum bahawa memelihara dan memulihara warisan negara adalah usaha menjadikan daya tarikan pelancong seperti pelancong domestik dan juga pelancong antarabangsa. Jadi jelaslah, pengetahuan, ilmu, penghayatan serta sikap kesedaran masyarakat terhadap seni warisan dapat membuka mata untuk melahirkan minat akan sejarah warisan yang berlaku di negara ini. Hal ini bagi mengfokuskan penghayatan terhadap seni, budaya dan warisan diperluaskan merupakan inisiatif besar bagi membentuk pembangunan negara berdasarkan bagi membina kesedaran rakyat bahawa betapa pentingnya penghayatan dalam acuan rakyat Malaysia.

Batik merupakan salah satu produk kraf tangan yang berasaskan tekstil (Amin, 2006). Batik terdapat dalam pelbagai bentuk. Antaranya adalah seperti batik tulis, batik skrin, batik celup, dan batik terap. Perkembangan awal batik di Tanah Melayu dipercayai bermula di Kelantan dan Terengganu (Azmi et. al, 2009 dan Yunus, 2011). Batik merupakan kesenian yang tinggi nilainya dan menjadi simbolik budaya dalam meneguhkan identiti nasionalisme negara. Nilai keseniannya yang menjadi akar kepada kebudayaan masyarakat. Lantaran itu, seni batik mula dijadikan sebagai medium representasi idea dalam arus perkembangan seni lukis moden di Malaysia melalui eksperimentasi terhadap fungsi, alatan, bahan dan kaedah.(Wan Nurul Hasyiyati Mohd Pauzi, Tajul Shuhaizam Said, 2015)

Antaranya usaha sama syarikat Nordin Batik untuk mengekalkan identiti bangsa dan budaya bangsa melalui pengeluaran hasil batik memberi sumbangan kepada ekonomi negara ini. Hal ini dapat dilihat melalui kajian Niewenhuizen and Kroon (2001) dalam kajiannya dapat dijadikan sebagai salah satu analisis faktor kejayaan telah dibuat bagi menggambarkan ciri- ciri penting dalam pembangunan dan kelestarian usahawan pada masa kini. Selain itu, satu kenyataan oleh Hanipah Hussin (2011) yang menyatakan seni batik merupakan tunjang budaya yang akan membentuk identiti dan nasionalisme satu bangsa di Malaysia.

Azni Hanim Hamzah (2014) di dalam artikel beliau menyatakan penghasilan batik kebanyakannya terdapat di pantai timur semenanjung Malaysia iaitu Terengganu dan Kelantan. Menurut Azni Hanim Hamzah juga (2014), batik di Malaysia terbahagi kepada tiga jenis batik iaitu batik canting, batik terap dan batik cetak yang mana ketiga-tiga jenis ini menggunakan teknik yang berbeza dalam penghasilan batik. Tidak perlu dipertikaikan lagi, sejarah dan warisan peninggalan nenek moyang dapat mendepani kelestarian seni warisan agar dapat dikongsi dengan generasi yang akan datang. Kepentingan kepelbagaian produk serta keunikan peninggalan zaman berzaman menarik minat pelancong di dalam dan luar negara apabila datang ke Malaysia.

Melalui artikel yang bertajuk "Inovasi Blok Batik Tembaga Sebagai Kraf Hiasan" Mohd Sazali Mohd Yusop (2015), menceritakan secara ringkas bahawa sesuatu blok batik yang pada asalnya

mungkin sekadar dipraktikkan penggunaan sebagai alat mencorak batik sahaja tetapi kini dapat dilihat batik sudah dinaik taraf menjadi kraf hiasan dimana ia masih mengekalkan peranan asalnya. Selain itu ini merupakan satu inovasi yang amat baik sekali daripada penulis melalui penulisan yang mana bukan sahaja dapat membantu pengusaha- pengusaha batik dari segi pemeliharaan dan pemuliharaan blok batik, oleh hal demikian juga secara tidak langsung dapat membuka mata masyarakat tempatan di luar sana akan kehebatan dan keunggulan seni batik di Malaysia.

Industri batik dianggap sebagai satu bidang yang kreatif dengan menonjolkan kreativiti, berinisiatif, , proaktif, bersikap transformasi dan disiplin seseorang sama ada usahawan seni batik atau pelukis batik itu sendiri. Sudah jelas bahawa nilai kreativiti dan inovasi dalam seni budaya warisan menjadi teras industri kreatif seperti seni membatik dan seni pertukangan membuat blok batik. Semua pihak menyedari warisan industri batik berupaya menyumbang kepada ekonomi, sosial dan pendidikan negara. (Norlelawati,, Zuliskandar & Nik Hassan Shuhaimi , 2015). Kelestarian batik canting di Kelantan merupakan salah satu langkah dan usaha dalam penjanaaan pendapatan bagi penduduk negeri Kelantan. Ini kerana industri tekstil yang melibatkan kesenian batik telah semakin berkembang maju dan menjadi sumber pendapatan penduduk di negeri Kelantan. (Nurulhda Sulaiman, 2022).

7. METODOLOGI

Kaedah sejarah lisan ialah satu kaedah yang membawa kepada sumber maklumat atau sejarah seseorang tokoh melalui kaedah rakaman wawancara secara *face to face* atau *online* dirakamkan dalam membuat pengkajian. Kebiasaannya sejarah lisan merujuk kepada metodologi iaitu berdasarkan analisis data daripada tokoh yang dipilih untuk menganalisis transkripsi temubual. Tokoh ini dipilih melalui carian maklumat atas talian untuk mendapat kepastian mengenai tokoh yang ditemuduga bagi menghuraikan secara terperinci berkaitan dunia seni batik. Dalam kajian ini pemilihan tokoh dibuat berdasarkan pengalaman dan jatuh bangunnya syarikat Nordin Batik sebagai tokoh usahawan dalam perusahaan batik tradisional di Kelantan. Penyelidikan kajian Seni Tradisional: Batik Tunjang Seni Warisan dilakukan secara kaedah temubual secara *online*. Tujuan temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan menjawab persoalan secara lisan dan memberi pandangan dalam industri tersebut. Dalam kajian ini, wawancara bersama Puan Azlinda binti Nordin dapat memberi maklumat secara terperinci berkaitan latar belakang penubuhan Nordin Batik dan pengalaman beliau sebagai Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd. Melalui kaedah temubual tersebut pengumpulan data kajian dapat dikumpul oleh pengkaji. Oleh yang demikian, penyelidikan tentang kejayaan, sejarah dunia seni batik dan perkembangan perusahaan yang diusahakan oleh Puan Azlinda binti Nordin serta keluarga beliau dalam memajukan syarikat Nordin Batik Sdn Bhd. Di samping itu, temu ramah ini dapat memberi serba sedikit gambaran berkaitan pengalaman yang dilalui dan diharungi oleh Puan Azlinda binti Nordin iaitu anak sulung kepada pemilik Nordin Batik Sdn Bhd sejak dari mula pembabitan hingga kini. Jelaslah bahawa temubual ini diajukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan liku-liku perjalanan seorang usahawan batik serta pandangan terhadap dunia seni batik agar tidak lupus ditelan zaman. Di samping, soalan lain yang berkaitan adalah mengenai latar belakang penubuhan syarikat, sejarah pendidikan, pengalaman kerjaya pengusaha batik, sejarah dan jatuh bangun perniagaan, kejayaan, sumbangan, serta cabaran yang dihadapi dan sebagainya.

Maka, keseluruhan kajian ini dalam sejarah lisan menggunakan kaedah kajian secara temubual iaitu *online platform* melalui aplikasi "Skype". Prosedur ini secara keseluruhan dijalankan bagi mengumpul data kajian ini melalui kaedah temubual memandangkan kaedah ini adalah yang paling sesuai digunakan atas faktor yang kehidupan norma baharu masa kini. Hal ini menerangkan beberapa prosedur mengumpul data untuk merancang dan melaksanakan proses bagi mengetahui perjalanan seorang usahawan batik serta pandangan terhadap dunia seni batik. Oleh itu, pengkaji telah merangka soalan terlebih dahulu sebelum temu ramah dijalankan. Disebabkan kerana hal pengumpulan data ini adalah prosedur yang paling rumit, kajian ini dirancang terlebih dahulu sebelum temuramah dijalankan oleh penemubual dan yang ditemubual secara teliti agar maklumat tokoh kajian dapat diperolehi tanpa

kesukaran. Hasil rujukan maklumat, terdapat banyak industri batik di Kelantan malah ada juga pengusaha secara kecil-kecilan dalam batik ini. Namun begitu, pengkaji telah memilih industri batik yang terkenal dan terunggul di Kelantan iaitu Nordin Batik Sdn Bhd.

8. HASIL KAJIAN

Kesimpulan bagi kajian ini boleh dirumuskan berdasarkan hasil kajian literatur dan wawancara yang telah dijalankan. Hasil daripada kajian yang ditunjukkan melalui beberapa tema yang dibina daripada kajian temubual yang dijalankan. Dapatan kajian seperti temubual yang dijalankan oleh kami memfokuskan keutamaan terhadap warisan seni tradisional nenek moyang iaitu seni kraf batik. Keberkesanan kajian melalui kaedah temubual yang telah dijalankan melalui beberapa bahagian bagi memudahkan dan mencapai proses transkrip yang lengkap ini. Sebagai contoh, bahagian seperti latar belakang penubuhan syarikat di dalam industri batik, sejarah pendidikan, pengalaman kerjaya, sejarah dan permulaan dunia seni batik, sejarah berkaitan perniagaan, kejayaan yang diperolehi, sumbangan kepada masyarakat, negara dan usahawan akan datang serta harapan untuk mereka yang berminat menceburi bidang ini. Seterusnya melalui hasil temubual yang dijalankan, kami sebagai penemu bual dapat mengetahui serba sedikit hal berkaitan perihal tokoh serta bagaimana keluarga beliau berusaha menaik taraf syarikat keluarga kejayaan demi kejayaan sehingga kini. Hal ini secara langsung memperlihatkan penglibatan beliau di dalam dunia seni batik bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilalui kerana cabaran dan rintangan yang dihadapi beliau sepanjang penglibatan memerlukan kesabaran yang tinggi. Puan Azlinda memberitahu bahawa seni tradisional seperti seni batik harus dijaga dan dipelihara keunggulan dan keunikan atas sebab menghargai warisan nenek moyang sebagai warisan turun temurun agar tidak lapuk ditelan zaman.

Seterusnya, melalui hasil kajian ini dapat kami diberi peluang menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman baru mengenai kesenian tradisional yang melambangkan kebudayaan bangsa melayu di negara ini. Kebudayaan yang dipamerkan hasil dari kesenian batik dapat yang terdapat di Malaysia dapat dilihat sebagai identiti nasionalisme bangsa dan negara. Justeru itu, menaikkan semangat patriotisme rakyat Malaysia akan cinta akan kesenian warisan tempatan yang unik dan mempunyai nilai keistimewaan tersendiri yang telah dipraktikkan sejak zaman dahulu kala lagi. Dengan hasil kajian ini, dapat mengembalikan penjenamaan batik Kelantan kepada pasaran luar. Oleh hal demikian, hasil dari kenyataan Puan Azlinda yang menyatakan bahawa seni batik masih relevan pada masa kini berdasarkan permintaan yang berterusan dan tidak putus-putus dari pembeli dalam dan luar negara. Batik seringkali sinonim dengan kebudayaan Melayu kerana suatu masa dahulu ianya merupakan keutamaan dalam melahirkan kebudayaan melalui pemakaian batik.

Jelaslah bahawa kami dapati bahawa masyarakat di Malaysia terutamanya generasi muda pada zaman yang penuh pemodenan dari hari ke hari masih lagi mempunyai kesedaran, penghayatan dan penghargaan kepada warisan seni tradisional tinggalan nenek moyang. Berdasarkan wawancara yang dilakukan Puan Azlinda Nordin binti Nordin, selaku Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd memberi tahu pengalaman beliau bahawa, rata-rata pelanggan mereka kebanyakan dari pelancong-pelancong tempatan serta luar negara memberi sokongan kerana masih membeli pakaian warisan turun-temurun yang diperbuat daripada kain batik dengan penuh keaslian, perpaduan dan ketelitian yang tinggi bagi menjadi kualiti apabila dipakai oleh pelanggan. Tidak dinafikan lagi bahawa pakaian batik yang telah digubah masih mendapat tempat di hati para pembeli. Dalam meniti arus kemodenan ini, batik mampu dihasilkan dengan pelbagai jenis produk seperti kotak tisu, kotak alat tulis dan sebagainya yang bukan hanya tertumpu kepada pakaian sahaja disesuaikan supaya selari dengan arus kemodenan seni fesyen di Malaysia dalam memaknai batik sebagai satu budaya warisan manusia dan negara.



Gambar 1: Pameran batik di dalam Showroom

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat sekaligus memartabatkan seni batik sebagai warisan negara. Rakyat Malaysia terutama golongan muda patut mempunyai kesedaran untuk menghargai dan memelihara seni warisan kraf batik di mata dunia supaya warisan tempatan dapat dikembangkan lagi ke peringkat seterusnya. Hal ini kerana sudah tiba masanya, usaha pelbagai pihak perlu bagi menunjukkan perkembangan positif dalam industri batik negara bahkan dapat meningkatkan ekonomi negara. Usaha ini telah disambut baik oleh usahawan-usahawan batik di seluruh Malaysia dan juga pihak Nordin Batik Sdn Bhd itu sendiri tidak ketinggalan dalam mencipta idea untuk menghasilkan produk yang lebih baik dan juga menjaga keaslian. Seni batik Malaysia yang diusahakan Nordin Batik secara turun-temurun kembali berdaya maju seperti yang dilaluinya sebelum ini dan terus mendapat tempat di hati masyarakat demi sebagai satu warisan khazanah bangsa yang patut dibanggakan.

Oleh hal yang demikian, warisan budaya bangsa merupakan elemen penting dalam membentuk inisiatif menjadikan negara maju perlu sehingga akhir zaman. Usahawan batik harus mempunyai daya saing yang tinggi kerana mereka antara tokoh yang mengembling tenaga dalam memberi sumbangan besar kepada masyarakat dan negara serta mengembangkan empayar industri batik itu sendiri. Masyarakat juga perlu berganding bahu memainkan peranan penting dalam memartabatkan warisan negara dengan memulih dan memelihara seni kraf warisan sebagai contoh mempraktikkan pemakaian batik secara berkala. Tuan Haji Nordin adalah antara usahawan yang berjaya membangunkan produk tempatan dengan berorientasikan masa depan seni batik agar lebih dikenali. Hal ini dapat dijelaskan bahawa segala jasa, bakti dan komitmen pengusaha seni batik perlu diberi pengiktirafan serta penghargaan yang tinggi.

RUJUKAN

- Amin, I.M. (2006). Manufacturing and marketing of traditional crafts: Malaysian perspective. Paper presented at the meeting of the APEC/ SME Seminar on Support for Local and Cottage Industries, Hanoi, Vietnam. September 2006.
- Azmi, J., Umor, Z., Ismail, M.S., Abdullah, K., Ali, N., & Kamaruzaman, N. (2009). Seni kraf batik: Motif dan teknik. Kuala Lumpur: Institut Kraf Negara.
- Azni Hanim Hamzah (2014). Warisan Seni Batik: Sejarah Batik. Retrieved from https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/19812/1/AJ_AZNI%20HANIM%20HAMZAH%20M%2014.pdf
- Hanipah Hussin, (2011). *Batik lambang warisan teknologi dan inovasi*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Melaka. Retrieved 21 Januari 2021 dari <http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=1124&pub=Kosmo&sec=Stail&pg=st01.htm>.
- Hasyiyati Mohd Pauzi dan Tajul Shuhaizam Said. (2018). Catan Batik Fatimah Chik sebagai satu representasi apresntasi budaya nusantara. *Kupas Seni Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 89-640,127-688-11121. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seni>
- Nieywenhuizen, C. & Kroon J. (2001). *Identification of entrepreneurial success factors to determine the content of entrepreneurship subjects*, South Africa.
- Mohd Sazali Mohd Yusop (2015). Inovasi blok batik tembaga sebagai kraf hiasan. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni* 3, 151-157
- Norlelawaty Haron, Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. Evolusi Perkembangan Blok Batik di Negeri Kelantan. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu. Pusat Penyelidikan Langkawi, Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Syah, Langkawi 25 - 26 November 2015
- Nurulahda Sulaiman. (2022). Kelestarian Industri Batik Canting di Kelantan: Etnomatematika pada Motif. Seminar Internasional Literatur Nusantara Ketiga. Retrieved from <http://myscholar.umk.edu.my/handle/123456789/4535>
- Siti Aisyah Amilin Hassan & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2018). Teknologi Pemprosesan Batik Melayu di Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-8.